

05/08/2000

Menteri bincang usaha sama bina kilang palpa

KOTA KINABALU, Jumaat - Persetujuan akhir mengenai pembinaan kilang palpa dan kertas bernilai RM4.3 bilion, usaha sama kerajaan Sabah dan China di Kalabakan, Tawau akan dibincang di peringkat menteri dalam masa terdekat.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata perbincangan peringkat pegawai membabitkan kedua-dua pihak gagal mencapai kata sepakat bagi mempercepatkan pembinaan yang sepatutnya bermula tahun ini.

"Selepas mendapat penjelasan daripada Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam dan pegawai kanan Innoprise Sabah Sdn bagi pihak kerajaan negeri hari ini, kita mengambil keputusan mengadakan perbincangan penyelesaian di peringkat menteri," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan perbincangan ringkas mengenai masalah berkenaan bersama Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin dan Osu di Bilik Kenamaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di sini hari ini.

Perjanjian bagi membina kilang di kawasan seluas 200,000 hektar antara kerajaan Sabah (Innoprise), Kumpulan Syarikat Lion dan China Pulp & Paper Industry di Kalabakan ditandatangani di China, tahun lalu yang turut disaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena lawatannya ke China.

(END)